

# Ekonomi sama rata perjuangan nasional

BH- 11/3/2007

## Hishammuddin mahu semua pihak rapat jurang perbezaan

Oleh Mohd Azis Ngah

**K**UALA LUMPUR: Semua pihak termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pegawai kerajaan, parti politik dan dewan perniagaan diminta bekerjasama mewujudkan kestabilan ekonomi serta merapatkan jurang perbezaan menjelang 2020.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata perjuangan ke arah itu bukannya untuk kepentingan kaum tertentu, tetapi lebih kepada agenda nasional.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Pelajaran meminta semua pihak terutama GLC sentiasa menyokong antara satu sama lain dan bergerak aktif ke arah meningkatkan ekonomi negara dengan sentiasa bersaing untuk memajukan diri.

"Bukan saja GLC, tetapi kepada semua saya nak ingatkan kepada pegawai kerajaan, ini agenda nasional, ia bersandarkan kepada kepentingan negara, bukan isu kaum.

"Ia penting dalam konteks hendak kurangkan jurang antara mereka yang berada dan tidak ada. Yang penting ialah agenda kita hendak sama ratakan padang permainan supaya apabila negara kita diisytiharkan maju, tiada lagi jurang," katanya selepas menutup majlis Kongres Jihad Ekonomi, semalam.

Kongres bertajuk 'Menerajui Penghijrahan Minda Bangsa Melayu' berlangsung dua hari berakhir semalam. Hishammuddin menggantikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang sepatutnya merasmikan majlis penutup.

Seramai 1,500 peserta menghadiri kongres anjuran Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Pemuda Umno dan Yayasan Dakwah Islamiah



**MEMBANGUNKAN MELAYU:** Rahim menyerahkan resolusi Kongres Jihad Ekonomi 2007 kepada Hishammuddin sambil disaksikan Khairy pada majlis penutupan majlis berkenaan di Hotel Istana, Kuala Lumpur, semalam.

**“Apabila ekonomi negara maju dan stabil dengan rakyat menikmati faedahnya tiada pihak berani ambil kesempatan atau mewujudkan suasana tidak harmoni”**

**Hishammuddin Hussein**  
Ketua Pemuda Umno

Malaysia. Turut hadir Pengerusi Gabem, Tan Sri Rahim Tamby Chik dan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin yang turut membentangkan kertas kerjanya.

Mengulas lanjut isu menyamaratakan tahap ekonomi, Hishammuddin berkata, apabila ekonomi negara maju dan stabil dengan rakyat menikmati faedahnya tiada pihak berani mengambil kesempatan atau mewujudkan suasana tidak harmoni.

"Ini perjuangan semua...jangan satu hala saja, apa peranan kita, apa tanggungjawab kita, dewan perniagaan, Persatuan Melayu, ahli pemuda, ahli Umno. Apa tugas kita, jika tidak kita kembali kepada takuk lama, mencari salah orang lain. Jadi kita kena muhasabah diri," katanya. Mengenai ketidakhadiran keba-

nyakan pemimpin tertinggi GLC termasuk Ketua Pegawai Eksekutifnya, beliau berkata, walaupun ada banyak program lain, mereka sepatutnya memberi keutamaan kepada program meningkatkan agenda negara.

Bagaimanapun, katanya, kongres pertama kali diadakan itu masih dianggap berjaya kerana ramai wakil GLC turut datang kerana baginya, perkara lebih penting ialah mesej dan resolusi itu dapat disebarkan.

"Paling penting, kita kongsi hala tuju kita, mereka (GLC) ada kemahiran, pengalaman dan pemimpin yang dilahirkan menerusi perjuangan lebih 50 tahun nenek moyang kita. Mereka melihat agenda ini secara serius, itu tanggungjawab mereka dan mesti dibuktikan kepada kita," katanya.